

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JULAI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Kenaikan OPR redakan inflasi, namun perlahankan ekonomi domestik

Kuala Lumpur: Sebarang kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) secara berte-rusan walaupun dapat me-redakan inflasi, namun bo-leh memperlahan perkem-bangan ekonomi domestik, kata pakar ekonomi.

Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School Pro-fesor Madya Dr Ahmed Raz-man Abdul Latif berkata, ini boleh dilihat apabila pe-nurunan kadar inflasi se-banyak sembilan bulan bertur-ut-turut dikaitkan dengan penetapan kadar OPR ter-sebut.

"Secara teorinya apabila OPR dinaikkan secara ber-terusan, ini akan memberi tekanan untuk inflasi turun. Kenaikan OPR ke aras 3.0 peratus itu misalnya terbukti menurunkan kadar inflasi kepada 2.8 peratus.

"(Sebaliknya) OPR yang terlalu rendah akan menye-babkan ekonomi meruap

Kenaikan OPR redakan inflasi, namun perlahankan ekonomi domestik

apabila berlakunya banyak aktiviti perbelanjaan dan penjualan yang meningkat-kan inflasi secara menda-dak," katanya dalam rancan-gan Malaysia Petang Ini terbitan Bernama TV, kel-marin.

Beliau mengulas keputu-san Bank Negara Malaysia (BNM) Keputusan Bank Ne-gara Malaysia (BNM) men-gekekalkan OPR pada 3.00 pe-ratus dalam mesyuarat Ja-watankuasa Dasar Monetari (MPC) pada Khamis.

Menjelaskan selanjutnya, Ahmed Razman berkata, OPR adalah sebahagian di-ri-pada polisi monetari di ba-wah tanggungjawab BNM yang menyumbang ke arah kestabilan ekonomi. Kaedah lain bagi mena-

ngani inflasi dan kos sara hidup adalah melalui polisi fiskal di bawah Kementerian Kewangan (MOF) menerusi pemberian bantuan tunai, subsidi dan insentif cukai.

Langkah sedemikian juga sering dipraktikkan oleh negara yang mengalami ka-dar inflasi terlalu tinggi.

Negara dengan kadar in-flasi terlalu tinggi seperti Argentina (114 peratus) dan Turkiye (38 peratus) turut bertindak mengenakan ka-dar faedah tinggi sebanyak 97 peratus dan 15 peratus, katanya.

"Apabila kerajaan tidak dapat megawal harga ba-rang dan perkhidmatan untuk meredakan kos sara hidup yang teruk, ia ter-paksa mengenakan kadar

faedah tinggi.

"Bagi Malaysia dengan ka-dar inflasinya turun kepada 2.8 peratus dan dijangka te-rus stabil, BNM dilihat tiada keperluan untuk menaikkan lagi kadar faedah lebih tinggi pada tahun ini," katanya.

Namun, beliau turut men-gingatkan bahawa kadar OPR yang terlalu rendah bo-leh menyebabkan keadaan yang mana ramai memini-jam dan tidak membuat simpanan kerana kos me-minjam yang rendah ma-nakala kegagalan membayar hutang pula akan membe-bankan ekonomi.

Atas alasan itu, katanya, BNM perlu sentiasa menilai situasi ekonomi dan pasaran domestik semasa dalam membuat pertimbangan

yang tepat selain meneliti ketidaktentuan ekonomi global serta impaknya ter-hadap negara.

Beliau juga melihat BNM sentiasa berbincang dengan pihak kerajaan dan industri bagi membuat keputusan secara berhati hati selain meneliti keadaan semasa dan perkembangan terkini.

Di peringkat global, Ah-med Razman juga menyif-atkan negara sudah mema-parkan kadar inflasi yang mereda selepas bertind-ak menaikkan kadar faedah berterusan dengan bank pu-sat masing masing mulai mengekalkan kadar faedah, sekali gus menunjukkan ekonomi dunia yang sema-kin perlahan.

Ini memberi impak ke-

pada Malaysia yang juga ne-gara pengeksport apabila permintaan akan turut ber-ukuran dengan kesannya kepada rakyat dan peniaga.

"Saya melihat apabila eko-nomi perlahan walaupun OPR dikekalkan pada kadar 3.0 peratus, namun potensi untuk ekonomi berkembang maju mungkin terhad dan ada kekangan...oleh itu ke-rajaan perlu terus berha-ti-hati," katanya.

Bagi rakyat pula, Ahmad Razman menyarankan da-lam senario ekonomi yang tidak menentu, orang ramai perlu meneruskan perbelan-jaan secara berhemat, ber-belanja mengikut kemam-puan serta mengelak dari-pada melakukan hutang ba-haru.

"Kita harus mengukuhkan simpanan serta pelaburan serta meningkatkan penda-patan, termasuk dengan menambah pengetahuan dan kemahiran," katanya.